

From The HeART of GAZA: Solidariti Seni dan Suara Anak Palestin

Tanjong Malim, 22 Mei - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) baru-baru ini menganjurkan program bertajuk "From The HeART of GAZA by Akram," menampilkan pembentangan oleh Akram Alloh, pelajar doktor falsafah (PhD) di Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif (FSKIK) UPSI. Program ini perantaraan oleh moderator, Profesor Madya Dr. Bahbib Rahmatullah.

Akram Alloh, yang bertugas sebagai wartawan dan jurugambar sejak 2004, kini sedang menjalankan PhD dalam bidang Media Baharu di UPSI. Pada awalnya, beliau berhasrat menghentikan pengajian apabila lebih awal apabila Tragedi Oktober 17 berlaku. Namun, hasil bantuan dan bimbingan pelbagai pihak, terutama Dekan FSKIK, Prof. Madya Ts. Dr. Muhammad Zaffwan Idris dan penyelia beliau, Profesor Madya Dr. Bahbib Rahmatullah, pengajian beliau dapat diteruskan.

Program ini merangkumi pameran seni hasil tangan warga UPSI sebagai tanda solidariti kepada perjuangan rakyat Palestin. Pameran tersebut diikuti dengan pembentangan suasana di Gaza oleh Saudara Akram Alloh, yang baru sahaja tiba di Malaysia setelah terperangkap selama beberapa bulan di Gaza bersama keluarganya.

Dalam pembentangan beliau, Akram menyatakan kebimbangan mengenai naratif yang disampaikan tentang Gaza. "Terdapat terlalu banyak kisah atau cerita yang boleh saya kongsi, akan tetapi satu perkara yang menjadi kerisauan saya adalah apabila terlalu banyak cerita yang dikongsi, cerita itu hanya jadi satu cerita. Bukan lagi satu tragedi yang memerlukan tindakan akibat manusia sudah lali dengan keperitan dan perjuangan rakyat Palestin. Kisah hanya menjadi nombor dalam graf laporan" ujar beliau.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Program Bicara Ilmu Bahasa dan Sastera Mencari, Memilih & Menikmati Puisi Artistik

Tanjong Malim, 16 Mei
- Program Bicara Ilmu Bahasa dan Sastera bertajuk 'Mencari, Memilih dan Menikmati Puisi Artistik Bersama Sasterawan Negara Ke-15, Datuk Rahman Shaari' telah diadakan di Auditorium, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJS), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjong Malim.

Program ini dimoderatkan oleh Prof. Madya Dr. Ghazali Din dan bertujuan untuk memindahkan ilmu melalui perkongsian pengetahuan, kepakaran, pengalaman, dan

pemikiran kritis Datuk Rahman Shaari kepada warga universiti dan orang awam. Ia juga bertujuan untuk memantapkan pengetahuan bahasa Melayu sedia ada dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Program ini dimulakan dengan ucapan aluan daripada Ketua Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) UPSI, Dr. Zuraini Ramli. Dalam ucapannya, beliau menyatakan objektif program kepada hadirin yang hadir dan berharap

program ini berupaya memberikan kefahaman yang maksimum untuk memantapkan penggunaan bahasa Melayu tinggi. Slot bermula dengan pengenalan tokoh oleh moderator, Datuk Rahman Shaari, seorang penulis, sasterawan, dan ahli akademik. Datuk Rahman Shaari sangat menyerlah dalam genre puisi dan esei, dan telah memberikan sumbangan dalam menghasilkan puisi yang menggarap persoalan besar seperti maruah bahasa, kemerdekaan, dan keadilan.

Dialog Mahasiswa: UPSI - USK ke Arah Memperkasa Organisasi Mahasiswa

Banda Aceh, 16 Mei- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Unit Kediaman Luar Kampus (UKLK) menganjurkan program Empire Journey 4.0 ke Banda Aceh, Indonesia di mana program slot "Dialog Mahasiswa", iaitu sesi perbincangan dua hala berkenaan pengurusan dan pentadbiran dalam

kepimpinan organisasi mahasiswa yang telah dipraktikkan oleh Badan Eksekutif Mahasiswa (BEM) Universitas Syiah Kuala (USK). Sesi dialog ini juga telah membuka peluang mahasiswa bertukar input bagi menambah baik pengurusan di organisasi masing-masing.

Sesi dialog pada jam 10 pagi tersebut dimulakan dengan ucapan aluan oleh Pengarah Pejabat Antarabangsa USK, Dr. Muzailin Affan, diikuti ucapan penghargaan oleh Profesor Madya Ts. Dr. Che Ghani Che Kob, Pengetua UKLK merangkap ketua delegasi Empire Journey 4.0.



PSI Anjur Kursus Kepengadilan Hoki Dewan PST Tahap 1

Tanjong Malim, 19 Mei - Pusat Sukan UPSI melalui Pusat Sukan Tumpuan (PST) Hoki Dewan dengan kerjasama Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) telah menganjurkan Kursus Kepengadilan Hoki Dewan PST Tahap 1 pada 17 Mei 2024 sehingga 19 Mei 2024 melibatkan seramai 22 orang peserta daripada pelbagai universiti di seluruh Malaysia. Kursus ini dikendalikan oleh dua orang pengadil dari Malaysia Hockey Confederation Umpire Committee (MHCUC) yang tidak asing lagi

dalam kalangan rata-rata penggiat sukan hoki iaitu Encik Lingam Karupusamy dan Encik Jaswant Singh Rattan Singh.

Kursus Kepengadilan Hoki Dewan PST Tahap 1 ini telah dirancang dan disusun pengisiannya dengan teratur oleh pihak MHC dan UPSI. Dimulakan dengan sesi pengenalan oleh Encik Lingam yang memberikan gambaran awal kepada peserta agar lebih bersedia secara mental dan fizikal untuk slot seterusnya.

Selepas sesi pengenalan, slot pertama bertajuk 'Ciri-ciri dan Kriteria Untuk Menjadi Pengadil Kebangsaan dan Antarabangsa' dimulakan. Encik Lingam dan Encik Jaswant menjelaskan ciri-ciri yang perlu ada pada setiap peserta, termasuk nilai-nilai murni dan keyakinan tinggi. Keyakinan penting agar pemain tidak ragu-ragu dan dapat meletakkan kepercayaan sepenuhnya terhadap pengadil ketika mengadili perlawanan.

